

MEMO

UNIT KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

Kepada : Pelajar Politeknik Ibrahim Sultan.

Daripada : Ketua Warden,
Kolej Kediaman Pelajar, PIS

Salinan Kepada : i. Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)
ii. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PIS.

Tarikh : 21 Mei 2024

Ruj. Fail : PIS/PENT/KKP/5 Jld.2 (697)

Saudara/Saudari,

PERMOHONAN MENDIAMI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR, POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN BAGI SESI 1 2025/2026

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, permohonan bagi mendiami Kolej Kediaman Pelajar, Politeknik Ibrahim Sultan bagi **sesi 1 2025/2026** dibuka mulai **15 Mei 2025/Khamis** dan akan ditutup pada **30 Mei 2025/Jumaat**. Pelajar-pelajar boleh membuat permohonan melalui aplikasi Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP).

3. Bagi pelajar **perempuan semester 2 dan 3 untuk sesi 1 2025/2026** anda diwajibkan mendiami Kolej Kediaman Pelajar, PIS. Walaubagaimanapun, pelajar yang diwajibkan ini perlu juga membuat permohonan melalui aplikasi SPMP. **Pelajar KHAS pendengaran tidak perlu** membuat permohonan melalui sistem SPMP kerana ditawarkan tempat secara automatik berdasarkan keperluan dan kelayakan mereka.

4. Senarai pelajar yang ditawarkan mendiami Kolej Kediaman Pelajar, PIS boleh disemak **mulai 01 Julai 2024/Jumaat**.

5. Kerjasama dan perhatian semua pelajar Politeknik Ibrahim Sultan berhubung perkara di atas amatlah diharapkan. Sebarang pertanyaan berkaitan boleh **berurusan di Kaunter Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar pada waktu pejabat**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROZAINUDIN BIN MOHD LAZIM)
Pen. Pegawai Tadbir,
Unit Kolej Kediaman Pelajar,
Politeknik Ibrahim Sultan.